

BERITA ONLINE
ASTRO AWANI
TARIKH: 24 MEI 2022 (SELASA)



Penubuhan inkubator Blockchain, IoT lengkapkan ekosistem pembuatan Pulau Pinang

Bernama
Mei 24, 2022 05:18 MYT



Zahidi menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Pembukaan 25 Startups, Inkubator Blockchain dan Internet of Things (IoT) di George Town, malam tadi. --fotoBERNAMA

GEORGE TOWN: Penubuhan 25 Startups, inkubator pertama Malaysia untuk teknologi Blockchain dan Internet-of-Things (IoT), adalah tepat pada masanya untuk melengkapkan ekosistem pembuatan Pulau Pinang yang kukuh.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Zahidi Zainul Abidin berkata 25 Startups akan menarik pelbagai syarikat permulaan tempatan dan asing yang khusus dalam Blockchain dan IoT yang matlamatnya untuk menguji potensi pasaran mereka

dalam industri teknologi Malaysia yang berkembang pesat dan membangunkan produk mereka di peringkat tempatan di Pulau Pinang.

"Sepanjang tempoh 50 tahun, Pulau Pinang telah membina ekosistem pembuatan yang kukuh. Bagaimanapun, pembuatan sahaja tidak mencukupi untuk berada di hadapan dan memenuhi permintaan dan jangkaan pelanggan.

"Kami amat percaya bahawa kita perlu melengkapkan kekuatan ini dalam teknologi perkakasan dengan penyelesaian perisian digital yang menarik dan unik," katanya dalam ucapan pada perasmian pejabat 25 Startups di sini malam tadi.

Walaupun pandemik telah memperlambangkan pertumbuhan syarikat permulaan dalam beberapa tahun ini, katanya Pulau Pinang bertentangan dengan trend itu dengan peningkatan aktiviti baru-baru ini dan kadar pertumbuhan di sini mungkin lebih tinggi dengan pemain yang sesuai.

Pulau Pinang, juga dikenali sebagai Lembah Silikon Timur, mempunyai industri pembuatan yang kukuh dengan pengalaman selama 50 tahun, menempatkan lebih 350 syarikat multinasional dan lebih 3,000 perusahaan kecil dan sederhana dalam sektor pembuatan, dan menarik jutaan pelancong setiap tahun.

Oleh itu, syarikat permulaan teknologi boleh memanfaatkan rantaian bekalan syarikat gergasi teknologi dan syarikat perindustrian ini untuk menyelesaikan masalah dan isu dunia sebenar.

"Dengan semua ruang kerja bersama ini terletak di Daerah Digital Kreatif di sini di George Town, saya berharap syarikat permulaan akan mengambil peluang untuk menyertai dan bersepadu dengan hab ini yang dikuasakan sepenuhnya oleh infrastruktur 5G untuk memenuhi semua keperluan digital.

"Saya yakin pembukaan pusat ini akan menggalakkan lebih ramai pemain utama dari sektor swasta untuk menyertai ekosistem itu, seperti inkubator, pemecut, pelabur dan pemodal teroka selain meningkatkan standard untuk memenuhi kepentingan global," katanya.

Firma modal teroka di sebalik 25 Startups, Pengerusi Karuna Khoshee Venture Capital Sdn Bhd Datin Ros Suryati Alang berkata selain menggalakkan syarikat permulaan dalam Blockchain dan IoT, ia turut menumpukan usahanya untuk mentransformasikan inovasi syarikat permulaan tersebut kepada model perniagaan yang mencatatkan keuntungan yang boleh dikomersialkan. - BERNAMA